

**TEKS UCAPAN ALUAN
Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS JAMUAN HARI RAYA
BERSAMA NAIB CANSELOR
1 SYAWAL 1439H, JAM 3.00 PETANG
PFI1, UniMAP PAUH PUTRA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Rakan-rakan saya, Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Staf-staf UniMAP,

Seterusnya, anak-anak siswa/i UniMAP yang diraikan sekalian,

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wajjalla yang menggerakkan masa, hari dan bulan serta segala sesuatu dengan ketentuannya. Hari dan malam silih berganti dan Dialah Yang Maha Mengetahui apa yang ada di dalam hati.
2. Terlebih dahulu, saya dan pengurusan tertinggi UniMAP ingin menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua

warga UniMAP khususnya anak-anak siswa/i yang tidak pulang ke kampung serta kakitangan yang perlu bertugas pada hari ini.

3. Tidak dilupakan jawatankuasa penganjur majlis pada hari ini, walaupun sibuk dengan persiapan hari raya bersama keluarga, namun sempat meluangkan masa bagi memastikan majlis ini terlaksana dengan jayanya. Terima kasih diucapkan.

Hadirin hadirat sekalian,

PROGRAM SEPANJANG RAMADHAN 1439H

4. Bulan Ramadhan sudah pun meninggalkan kita. Bulan penuh keberkatan yang siangya dipenuhi puasa manakala malamnya dihidupkan dengan qiamullail dan berbagai ibadah dengan harapan beroleh pahala dan keredhaanNya.
5. Sekalung penghargaan sekali lagi kepada Pusat Islam UniMAP dengan kerjasama jabatan-jabatan dan pusat-pusat pengajian yang menjayakan sambutan lhya' Ramadan peringkat UniMAP sepanjang Ramadan lalu. Bagi yang menghulurkan bantuan kewangan untuk Infaq lhya' Ramadan, terima kasih dan tahniah di atas sumbangan-sumbangan bagi mengimarahkan bulan penuh barakah itu.
6. Antara program yang telah berlangsung dengan jayanya ialah Ceramah di Ambang Ramadan, Iftar Kubra UniMAP, Gotong royong Memasak Bubur Lambuk, Kuliah Dhuha Ramadan, Kuliah Dhuha Muslimat, Daurah Kitab, Ceramah Nuzul Al-Quran, Festival Nasyid, World Quran Hour, Kutipan Zakat

Fitrah, edaran Juadah Berbuka Puasa, serta majlis-majlis berbuka puasa di surau kolej-kolej kediaman UniMAP.

7. Alhamdulillah, perginya Ramadan kali ini dengan harapan kita kembali kepadaNya dengan taubat dan amalan sepanjang bulan itu di samping mendidik jiwa kita melakukan amalan yang dituntut olehNya, belajar erti sabar dan menundukkan nafsu yang sentiasa mendorong kepada kejahatan.

Hadirin hadirat sekalian,

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA BERSAMA NAIB CANSELOR 2018

8. Seperti yang kita ketahui, Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai kemenangan bagi mereka yang berjaya menjalani ibadah puasa dengan sempurna. Kemenangan ini bukan sahaja kerana berjaya mengawal nafsu makan dan minum pada siang hari di bulan Ramadan selama sebulan, tetapi juga kemenangan daripada melakukan sebarang perkara yang dilarang Allah Azza Wajjalla.
9. Justeru, bagi meraikan hari kemenangan hari ini, UniMAP mengambil inisiatif meraikannya bersama-sama terutama bagi mereka yang perlu bertugas seperti anggota keselamatan UniMAP serta anak-anak siswa/i yang jauh kampung halamannya.
10. Ini kerana perayaan Hari Raya Aidilfitri juga mempunyai pelbagai nilai yang sangat bererti bukan sahaja dikalangan rakan-rakan Islam tetapi juga rakyat Malaysia yang mempunyai kepercayaan lain sepertimana UniMAP yang warga kampusnya juga terdiri daripada pelbagai kaum.
11. Untuk itu, seramai 400 anak-anak siswa/i meraikan 1 Syawal di UniMAP termasuk 100 siswa/i antarabangsa pada hari ini. Oleh itu, sempena meraikan hari kemenangan ini, kita juga harus mengingatkan diri kita supaya berusaha dengan lebih baik lagi, bukan sahaja mengenai cara melayan rakan-rakan kita yang terdiri daripada berbilang kaum dan mereka

- yang kurang bernasib baik, tetapi kita juga cara kita melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas dalam membangunkan universiti dan negara.
12. Adalah menjadi harapan saya agar majlis pada hari ini akan memberi peluang kepada semua warga UniMAP merapatkan silaturahim sambil menikmati juadah yang disediakan. Secara tidak langsung ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan perpaduan sesama kita di samping menjadi pengubat rindu kepada keluarga dan kampung halaman.
13. Ia juga memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengeratkan lagi ukhuwah yang sedia terjalin. Semoga Aidilfitri ini menjadi kesempatan terbaik untuk melupakan perselisihan dan persengketaan dalam menjalankan tugas masing-masing sebelum ini.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

14. Akhir kata, marilah sama-sama kita teruskan jiwa kemenangan yang diraih hasil dari ibrah Ramadhan yang lalu dengan doa dan harapan agar UniMAP terus berkembang mekar untuk kesejahteraan sejagat. InsyaAllah.
15. Kepada anak-anak siswa/i yang masih dalam *mode* peperiksaan akhir, diucapkan Selamat Maju Jaya. Semoga dengan semangat kemenangan bulan Syawal, anak-anak semua dapat menjawabnya dengan baik seterusnya memperolehi keputusan cemerlang.

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.